

NGO desak kerajaan selesaikan isu alam sekitar

KUALA LUMPUR - Aktiviti penerokaan hutan yang tidak terkawal perlu dihentikan segera bagi mengelakkan kejadian bencana alam berulang pada masa depan.

Sehubungan itu, Naib Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof. Dr. Ahmad Ismail menegaskan, kerajaan Pusat dan negeri perlu duduk semeja mencari jalan penyelesaian terbaik.

"Ketiadaan kawasan penampungan antara hutan simpan dan sungai menyumbang kepada banjir, tanah runtuh dan banjir selut. Di Kelantan misalnya, kebanyakan kawasan banjir adalah berkaitan dengan penebangan hutan di kawasan tinggi dan berhampiran

sungai.

"Negara ini ada undang-undang dan ia mesti dipatuhi. Bagi mengelakkan perkara ini daripada berulang, semua pihak bertanggungjawab harus duduk berbincang dan mencari penyelesaian terbaik," katanya ketika dihubungi *Kosmo* Ahad! semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan muka depan *Kosmo!* mengenai saranan Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Datuk Seri Dr. Abd. Rahman Abd. Rahim agar Majlis Tanah Negara (MTN) mengadakan pertemuan segera dengan kerajaan-kerajaan negeri dan agensi terlibat bagi membincangkan isu kemusnahan hutan dan



SHARIFFA SABRINA AHMAD

alam sekitar di negara ini.

Aktiviti pencerobohan hutan dan tanah tinggi seperti di Cameron Highlands, Pahang dan Lojing, Kelantan secara tidak terkawal dipercayai menjadi salah satu punca kejadian banjir luar biasa yang melanda beberapa negeri di Pantai Timur baru-baru ini.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, semua pihak perlu memikul tanggungjawab menyelesaikan isu alam sekitar di negara ini yang semakin parah bagi memastikan kesannya seperti kejadian banjir yang melanda beberapa negeri baru-baru ini tidak akan berulang lagi.

"Saya berharap pihak bertanggungjawab harus telus jika mahu mempertahankan hutan yang masih tinggal," ujar beliau.

Penasihat Persatuan Perlindungan Alam Sekitar (EPSM), Dr. Gurmit Singh pula mahu kerajaan lebih serius menguatkuasakan peraturan dan undang-



KERATAN *Kosmo!* semalam.

undang berkaitan alam sekitar sedia ada.

"Masalah alam sekitar ini sudah lama terjadi, namun masih tidak dipedulikan mana-mana pihak," ujarnya.